

Bil. S 3

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

PERINTAH AKTA KONTRAK (PINDAAN), 2016

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran
 2. Pemasukan Penggal VIIA baru ke dalam Penggal 106
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA KONTRAK (PINDAAN), 2016

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Kontrak (Pindaan), 2016.

Pemasukan Penggal VIIA baru ke dalam Penggal 106

2. Akta Kontrak, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas Penggal VII Penggal baru yang berikut —

“Penggal VIIA

Perjanjian Biasiswa

Pengenaan kepada semua perjanjian biasiswa

100A. Penggal ini dikenakan kepada semua perjanjian biasiswa yang dibuat sebelum atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa Perintah Akta Kontrak (Pindaan), 2016.

Tafsiran

100B. Dalam Penggal ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“pihak berkuasa yang berkenaan” bermakna Kerajaan, pihak berkuasa berkanun atau institusi pendidikan yang diluluskan;

“institusi pendidikan yang diluluskan” bermakna mana-mana institusi atau badan yang diisytiharkan sedemikian oleh Menteri di bawah bab 100C;

“perjanjian biasiswa” bermakna apa-apa kontrak atau perjanjian antara pihak berkuasa yang berkenaan dengan mana-mana orang (dalam Perintah ini disebut sebagai “pemegang biasiswa”) berkenaan dengan, apa-apa biasiswa, anugerah, dermasiswa, pinjaman, tajaan atau lantikan bagi mengikuti suatu kursus pengajian, peruntukan cuti dengan atau tanpa gaji, atau apa-apa kemudahan lain, sama ada

diberikan terus oleh pihak berkuasa yang berkenaan, atau oleh mana-mana orang atau badan lain, atau oleh mana-mana kerajaan di luar Negara Brunei Darussalam, bagi maksud apa-apa perihalan pendidikan atau pembelajaran;

“pihak berkuasa berkanun” bermakna suatu badan korporat yang ditubuhkan oleh atau di bawah sebarang undang-undang bertulis untuk melaksanakan atau menjalankan apa-apa tugas awam;

“penjamin” bermakna orang yang disebut sebagai penjamin, atau sebagai penggerenti, atau dengan apa-apa perkataan lain yang bersamaan, dalam suatu perjanjian biasiswa.

Institusi pendidikan yang diluluskan

100C. Menteri Kewangan boleh, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, mengisytiharkan mana-mana institusi atau badan, sama ada korporat atau bukan korporat, sebagai sebuah institusi pendidikan yang diluluskan bagi maksud-maksud Akta ini.

Kesahan perjanjian biasiswa

100D. Dengan tidak menghiraukan apa-apa jua yang berlawanan yang terkandung dalam Akta ini, perjanjian biasiswa tidak boleh dibatalkan atas alasan bahawa —

(a) pemegang biasiswa yang membuat perjanjian itu tidak berumur dewasa;

(b) perjanjian itu bertentangan dengan mana-mana peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang berkuat kuasa berhubung dengan pemberi pinjaman wang; atau

(c) perjanjian itu tidak mempunyai balasan.

Remedi sekiranya berlaku pelanggaran

100E. Jika suatu perjanjian biasiswa telah dilanggar oleh pemegang biasiswa —

(a) jika suatu jumlah wang disebut dalam perjanjian itu sebagai amaun yang akan dibayar sekiranya berlaku pelanggaran itu, dengan tidak menghiraukan apa-apa jua yang berlawanan yang terkandung dalam Akta ini, pemegang biasiswa itu dan penjamin hendaklah bertanggung membayar secara bersesama dan berasingan dan pihak berkuasa yang berkenaan adalah berhak dibayar kesemua jumlah wang itu sama ada atau tidak kerosakan atau kerugian sebenar telah

berlaku disebabkan pelanggaran itu, dan tiada potongan boleh dibuat daripada jumlah wang itu kerana apa-apa tempoh atau perkhidmatan separa yang dilaksanakan oleh pemegang biasiswa itu selepas menamatkan kursus pengajiannya; atau

(b) jika jumlah wang tersebut tiada disebutkan dalam perjanjian biasiswa itu, pemegang biasiswa itu dan penjamin hendaklah bertanggungjawab membayar secara bersesama dan berasingan dan pihak berkuasa yang berkenaan adalah berhak dibayar —

- (i) kesemua amaun yang dibelanjakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan di bawah perjanjian itu; dan
- (ii) kesemua amaun tambahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan atau pihak berkuasa lain yang ditetapkan olehnya untuk mengguna khidmat orang yang mempunyai kelayakan dan pengalaman sama dengan yang akan didapatkan oleh pemegang biasiswa itu untuk melaksanakan perkhidmatan yang diperlukan daripada pemegang biasiswa itu selepas menamatkan kursus pengajiannya bagi tempoh yang dinyatakan dalam perjanjian biasiswa itu.”.

Diperbuat pada hari ini 18 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1437 bersamaan dengan 28 haribulan Januari, 2016 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM